

05/06/2002

Hak istimewa tidak jamin tempat di IPTA

Abu Hasan Adam

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan pelajar Melayu bahawa mereka tidak boleh lagi bergantung kepada peruntukan hak istimewa bagi orang Melayu, malah perlu bersaing bagi mendapatkan tempat di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) tempatan.

Keputusan Kabinet menamatkan monopoli hak istimewa Bumiputera di IPTA, mendedahkan satu lagi cabaran kepada pelajar Bumiputera yang memerlukan mereka sentiasa bersedia.

Penamatan monopoli hak istimewa orang Melayu di IPTA juga perlu dilihat dari sudut positif walaupun kebimbangan sentiasa menghantui setiap hati dan nadi orang Melayu.

Menyerahkan hak kepada orang lain adalah tindakan yang tidak mahu dilakukan oleh sesiapa pun. Tetapi jika difikir dan diperhalusi sedalam-dalamnya, tentu akan timbul satu persoalan dalam benak kita yang sentiasa menguasai pemikiran orang Melayu sejak zaman berzaman.

Misalnya, persoalan mengenai kelemahan orang Melayu sering dibincangkan. Malah mula diperbincangkan sejak zaman Syed Sheikh Al Hadi lagi (melalui novelnya Faridah Hanum). Persoalan ini terus dibincangkan pada tahun 20-an apabila tertubuhnya SITC (Sultan Idris Tanjung Malim) oleh guru dan dibincangkan juga oleh wartawan Melayu seperti Abdul Rahim Kajai dan Ahmad Bakhtiar.

Selepas kemerdekaan, persoalan ini terus hangat dibincangkan dan pelbagai langkah diambil untuk mengatasi masalah itu. Dan kini pada awal kurun ke-21, kita masih membincangkannya.

Kita tertanya-tanya, apakah yang menyebabkan keadaan ini amat sukar untuk berubah dengan drastik. Apakah puncanya?

Mungkinkah disebabkan perlindungan/hak istimewa yang diberikan kepada orang Melayu itu yang menyebabkan orang Melayu lemah? Mungkinkah disebabkan `suasana selamat' yang diberikan kepada orang Melayu itu yang menyebabkan orang Melayu sentiasa berpuas hati dengan apa juga keadaan yang menimpa mereka? Atau mungkinkah orang Melayu amat takut kepada sebarang perubahan yang menyebabkan mereka sentiasa lemah?

Itu hanya persoalan yang diandaikan. Dikatakan sedemikian, kerana pelbagai jenis ubat dan ramuan sudah dihidangkan kepada orang Melayu, namun penyakit `lamanya' masih belum seratus peratus sembuh.

Tindakan menghapuskan kuota dan hak istimewa orang Melayu di IPTA adalah tindakan berani. Ia pastinya akan mendapat tentangan secara terbuka atau senyap-senyap daripada rakyat Melayu yang masih dibayangi rasa takut terhadap tindakan itu. Namun bagi sebuah kerajaan yang bertanggungjawab di atas segala tindak-tanduknya yang diasaskan kepada keikhlasan untuk memajukan Bumiputera dalam segala aspek, tindakan itu harus dilakukan dengan berani.

Pelaksanaan sistem meritokrasi dari segi pengambilan pelajar ke IPTA juga tindakan berani. Ada pihak yang sangsi dengan keputusan itu kerana bimbang pelajar Melayu akan tercicir dan menjadi mangsa kepada dasar berkenaan. Telahan itu meleset sama sekali. Apa yang jelas pelajar Bumiputera terbukti mampu bersaing dengan bukan Bumiputera untuk memasuki IPTA.

Tindakan ini adalah satu tindakan anjakan paradigma. Orang Melayu harus disedarkan sepenuhnya mengapa tindakan sebegini perlu diambil. Kerajaan dan rakyat juga tidak seharusnya mempunyai agenda tersembunyi dalam menangani isu ini. Bumiputera pula jangan menganggap tindakan kerelaan

orang Melayu ini sebagai satu tindakan mengalah. Jangan sekali-kali ada anggapan sedemikian.

Sejarah seolah-olah menunjukkan bahawa orang Melayu tidak begitu berani memulakan perubahan. Orang Melayu semacam tidak mahu memulakan 'langkah pertama'.

Orang Melayu akan mengikuti langkah itu dan terus mencontohinya selepas dilihatnya ada kesan positif daripada tindakan sedemikian. Contohnya, orang Melayu takut menghantar anak mereka ke sekolah Inggeris (dalam zaman sebelum kemerdekaan) kerana bimbang anak mereka akan memeluk agama Kristian.

Contoh lain ialah pelajar Melayu tidak mahu mengambil jurusan sains disebabkan adanya suara sumbang yang mengatakan aliran sains itu amat sukar untuk lulus. Orang Melayu percaya dengan 'ugutan' itu. Cuma selepas ramai anak Melayu yang berjaya menjadi doktor dan ahli sains terkenal, barulah mereka berani menggalakkan anak mereka memasuki jurusan sains.

Ada juga hujah yang diutarakan mengapa bukan Bumiputera harus diberikan kuota untuk memasuki IPTA. Dalam hal ini, Dr Mahathir berkata : "Kita mendapati kalau kita tidak bagi langsung kepada kaum lain, maka budak Melayu yang pergi ambil matrikulasi ini, kadang-kadang mereka datang daripada sekolah yang tidak ada langsung kaum lain.

"Umpamanya, Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), di situ masyarakat Melayu saja. Jadi mereka kemudian tidak boleh sesuaikan diri dengan masyarakat yang sebenar, kehidupan sebenar yang mereka akan hadapi."

Keadaan sebagaimana yang digambarkan berlaku di MRSM itu ada pula kelainannya pada pelajar lepasan Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK). Umumnya pelajar MCKK akan menggunakan bahasa Inggeris untuk berhubung di antara satu dengan lain, walaupun tidak ada seorang pun pelajar bukan Melayu di kolej itu. Dan apabila mereka menceburkan diri dalam pekerjaan, sama ada dalam atau luar negara, mereka amat sesuai dan boleh menyesuaikan diri dengan sebarang keadaan. Ini adalah kelainan yang juga perlu dikaji oleh kerajaan untuk kepentingan bangsa Melayu.

Walau apa pun hujah, persoalan pokoknya ialah kita sentiasa mencari sesuatu formula untuk menempa perubahan daripada pelbagai sudut.

Denis Waitley dalam bukunya, *Empires of the Mind* (Great Britain 1995) ada menyatakan bahawa, "In order to move from a nation of victims to a nation of victors, we must change our beliefs and our behaviour, we can't continue repeating the mistakes of extinct societies and expect salvation through lottery ticket. Either we lead or we get out of the way"

Ungkapan yang mengatakan bahawa, either we lead or we get out of the way adalah sesuai untuk generasi kini yang akan mengharungi kurun ke-21 yang penuh cabaran ini, walaupun ia nampak sebagai satu kenyataan amat keras.

Jika dilihat pepatah Melayu yang berbunyi 'membujur lalu melintang patah' maka penggabungan itu adalah sesuatu yang sesuai. Jika takut bermain ombak jangan berumah di tepi pantai.

Dalam menempuh kurun ke-21 ini, seolah-olah wujud satu keputusan muktamad yang mengatakan bahawa pada zaman ini knowledge is power. Tiada siapa yang boleh mempertikaikannya lagi bersandar kepada beberapa bukti nyata.

Sehingga ini terbukti bahawa bangsa yang tidak akan bergerak dan melakukan perubahan akan terus ketinggalan dalam arus permodenan zaman. Islam sendiri menekankan kepentingan ilmu bagi pembangunan umat.

Peter Drucker dalam bukunya *Post Capitalist Society* menyebut bahawa, "In the knowledge society, the person is central...the educated person is society's emblem, society's symbol, society's standard bearer. Knowledge is always embodied in a person...the knowledge society is a society of knowledges and because it is global..."

Ini bermakna the educated person yang mewakili hari esok seharusnya

bersedia untuk hidup dalam dunia yang penuh dengan pancaroba. Untuk dapat menyesuaikan diri dengan the global village itu mereka seharusnya dapat meletakkan diri sebagai the citizens of the world dari segi pemikiran, wawasan dan segala tindak tanduk mereka.

Justeru, hasrat kerajaan untuk menggalakkan pelajar Bumiputera agar dapat berinteraksi secara positif dengan pelajar lain seharusnya dilihat dari perspektif positif. Dengan berbuat demikian akan melahirkan jaringan yang memungkinkan lahirnya satu persahabatan politik dan ekonomi di kalangan mereka. Ini penting kerana pelajar masa kini adalah pemimpin masa depan.

Dengan terjalinnya tali persahabatan itu sekarang, maka akan bertambah eratlah ikatan itu pada masa akan datang. Dan akan lebih mudahlah dapat dimanfaatkan persahabatan sedemikian oleh negara.

Hakikat ini seharusnya disedari dari sekarang oleh pelajar Malaysia, khususnya pelajar Melayu yang dirasakan selalu memencilkan diri daripada pelajar asing, terutama apabila menuntut di luar negara.

(END)